

Gelanggang

silat BKM

meluas

ke Naval Base

27 JUN 1974
BADAN KESENI

AN Melayu telah membuka sebuah lagi gelanggang latihan silatnya di Admiralty Road West, Naval Base, Ahad lalu, dalam usahanya untuk mengembangkan kesenian itu.

Usaha ini diharapkan dapat menyenai kan sifat-sifat yang positif di kalangan belia-beliawanita semoga mereka dapat menjadi warganegara yang berguna dan patuh kepada undang-undang negara.

Riadah

Seperkara lagi, pembukaan gelanggang itu merupakan juga satu gelanggang di mana belia-beliawanita itu dapat berkecimpung dalam bidang riadah dan menjauhkan diri dari pengaruh-pengaruh

yang tidak sihat dewasa ini.

Satu upacara perasmian gelanggang itu telah diadakan pada hari itu yang dipenuhi dengan pertunjukan silat kuniangan Gerak 17 dan kuntau Melaka dengan tariantarian Melayu dari BKM.

Jayakan

Seramai 78 orang belia-beliawanita telah menjayakan upacara itu dengan persembahan silat dan tariantarian mereka.

Jurualatih utama BKM, Encik Basri Alang menyatakan bahawa kegihtan muda-mudi itu dalam seni itu jelas terbahang dari persembahan yang mereka tunjukan.

"Sekalipun sebahagian besar dari mereka terdiri dari penuntut-penuntut baru, namun mereka mempunyai semangat untuk bersilat," ujarnya.

Latihan di gelanggang baru itu sudah pun dimulakan



tiga kali seminggu dengan masa dua jam setengah untuk satu-satu latihan.

Seramai 45 orang peserta yang mana 10 adalah penuntut, sedang giat menjalani latihan dalam seni silat kuniangan.

Bila ditanya samada ramai lagi muda-mudi yang hendak diterima, Encik Basri menyatakan "Gelanggang baru ini cukup untuk menampung penuntut-penuntut kami yang ada sekarang".

"Ja boleh dikatakan kecil berbanding dengan gelanggang lain. Oleh kerana itu

● Sebahagian dari muda-mudi kelihatan gigitan seperti tunjukan reka di gelanggang baru itu. — Gambar BH oleh Salim Osman.

27 JUN 1974

kami tidak dapat mengambill penuntut-penuntut baru sebab ini akan menyusahkan jurualatih untuk mengajar."